

UPM jelas status wanita semasa dan Islam Hadhari

Oleh: NOR ELLINA AB RAZAK

SERDANG (25-26 MAC) - "Saya berharap seminar ini dapat menghasilkan input yang positif dan pencambahan minda yang berguna di kalangan mahasiswa dan masyarakat terutamanya yang menyentuhkan persoalan wanita semasa dan pelbagai isu yang berkaitan kewanitaan yang perlu difahami, diketengahkan seterusnya diberi penjelasan supaya tidak timbul sebarang kekeliruan dalam kehidupan bermasyarakat", kata Prof. Dr. Nik Mustapha Bin R. Abdullah, Naib Canselor, Universiti Putra Malaysia (UPM).

Beliau berucap dalam Seminar Wanita Semasa dan Pendekatan Islam Hadhari (Memperkasa Wanita Hadhari) anjuran Pusat Islam UPM dengan kerjasama Sekretariat Islam Hadhari, Yayasan Islam Hadhari (Projek khas YAB Perdana Menteri) berlangsung di Dewan Persidangan, Pusat Pendidikan Luar, UPM.

Perasmian Tan Sri Dato' Dr. Abdul Hamid bin Othman, Penasihat Agama Islam Bertaraf Menteri kepada YAB Perdana Menteri.

Objektif seminar ini adalah memberi pendedahan kepada setiap wanita tentang pentingnya mereka memahami dan menghayati pendekatan Islam Hadhari dan peranan wanita masa kini agar mereka dapat melaksanakan tuntutan dan perintah Allah s.w.t dengan baik dan sempurna, di samping melaksanakan tugas, tanggungjawab dan kewajipan sebagai wanita secara berkesan kearah Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Latar belakang seminar ini dirancang dan difokus kepada kakitangan UPM, mahasiswa UPM, mahasiswa bukan UPM, dan kakitangan kerajaan atau NGO tentang kecemerlangan modal insan di kalangan wanita serta menyedarkan wanita tentang kepentingan peranan mereka dalam konteks kemajuan dan pembangunan negara.



Dato' Dr. Abdul Hamid sedang menerima penghargaan daripada Naib Canselor UPM.